

B U K U P A N D U A N

PEMIMPIN
IMAMAT DAN
PEMIMPIN BADAN
SOKONGAN

B U K U P A N D U A N

**PEMIMPIN
IMAMAT DAN
PEMIMPIN BADAN
SOKONGAN**

Diterbit oleh
Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah

Kandungan

Pengenalan	1
Imamat	4
Badan Sokongan	11
Kurikulum dan Perbaikan Guru	15
Kepimpinan	17
Memperoleh Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga	22

Pengedaran

Buku Panduan Pemimpin Imamat dan Pemimpin Badan Sokongan adalah untuk para pemimpin imamat dan baden sokongan yang masih baru dalam Gereja dan memiliki pengalaman Gereja yang terbatas. Itu juga akan berguna bagi para pemimpin di daerah yang lebih mapan. Itu menjelaskan asas dan praktik untuk membantu para pemimpin imamat dan baden sokongan memenuhi panggilan mereka.

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

© 2011 oleh Intellectual Reserve, Inc.
Hak cipta terpelihara
Dicetak di Amerika Syarikat

Kelulusan bahasa Inggeris: 3/01
Kelulusan penterjemahan: 3/01

Penterjemahan *Priesthood and Auxiliary Leaders' Guidebook*
Malay
31178 348

Pengenalan

Gereja menyediakan buku panduan ini untuk membantu pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan mempelajari tentang tanggungjawab-tanggungjawab panggilan mereka dan cara untuk melaksanakan panggilan-panggilan itu. Semua pemimpin Gereja dan ahli Gereja diminta untuk menolong mencapai misi Gereja, iaitu untuk menjemput semua orang untuk “datanglah kepada Kristus, dan disempurnakanlah dalam Dia” (Moroni 10:32). Untuk mencapai misi ini, para pemimpin menolong ahli-ahli:

- Mengisyiharkan injil Yesus Kristus ke setiap negara, kaum, bahasa, dan bangsa. Kongsikan injil dengan memberi kesaksian bila diilham oleh Roh.
- Menyempurnakan Orang-orang Suci. Membantu penganut baru bermaju dalam Gereja dengan memastikan mereka mempunyai seorang kawan dan satu tugas dan dipupuk oleh firman Tuhan. Menerima tatacara injil dan membuat perjanjian injil, berusaha untuk mematuhi perintah-perintah seperti yang sudah mereka janji, melayani saudara-saudari mereka, menjaga yang miskin dan yang berkeperluan, dan bersahabat satu sama lain untuk membina komuniti Orang-orang Suci.
- Menyelamat yang sudah meninggal dunia. Mengenalpastikan nenek moyang yang sudah mati dan melakukannya tatacara bait suci bagi mereka dengan sejauh mungkin untuk bersedia demi kemuliaan keluarga.

Kongsikan Injil



Tuhan meminta ahli-ahli Gereja untuk berkongsikan injil. Para pemimpin harus berbuat demikian juga dan harus menggalakkan dan mengilhamkan ahli-ahli lain berbuat demikian. Cara-cara untuk berkongsikan injil termasuk:

- Menjadi satu teladan yang baik dengan hidup mengikut asas-asas injil.
- Memberitahu kawan-kawan dan ahli-ahli keluarga tentang injil dan berkat yang ia boleh bawa ke hidup mereka.
- Menolong mubaligh-mubaligh daerah atau sepuh masa.
- Merancangkan kegiatan dan program untuk memperkenalkan injil kepada orang lain.

Satu cara lagi untuk berkongsikan injil adalah untuk menolong ahli-ahli untuk bersedia untuk pelayanan misi sepenuh masa. Para pemimpin boleh membantu remaja bersedia untuk melayan,

menggalak ibubapa untuk menyediakan anak-anak mereka demi misi, dan menggalak pasangan yang sudah bersara untuk melayani misi. Mereka juga boleh menasihat ahli-ahli untuk menyimpan duit untuk membayar misi mereka diri sendiri dan menyokong para mubaligh secara kewangan.

Di bawah arahan presiden cabang, pemimpin misi cabang (bila dipanggil) mengkoordinasikan kerja mubaligh dalam cabang itu.

Menyempurnakan Orang-orang Suci

Menyempurnakan Orang-orang Suci termasuk menggalak dan menolong setiap ahli untuk hidup mengikut injil setiap hari untuk bersedia demi kemuliaan. Menyempurnakan Orang-orang Suci mempunyai satu dimensi rohani dan satu dimensi dunia. i

Persediaan Rohani



Para pemimpin harus terus berdoa demi ilham untuk mengetahui cara untuk menolong ahli-ahli untuk menambah kekuatan rohani mereka. Para pemimpin boleh menolong ahli-ahli bersedia secara

rohani dengan mengajar mereka tentang injil dan mendesak mereka mengikuti injil. Mereka harus menggalak ahli-ahli untuk mendekati Tuhan dengan berdoa, berpuasa, mengambil sakramen, dan mengaji kitab-kitab suci dan ajaran para nabi zaman akhir. Mereka harus memberikan peluang untuk melayan, memastikan pertemuan Gereja dapat membangunkan semangat rohani, dan menunjukkan kasih sayang dengan melayan ahli-ahli secara individu.

Usaha untuk menyempurnakan Orang-orang Suci harus berfokus pada individu dan keluarga. Gereja memperkuatkan dan menyokong keluarga dan rumah tangga. Rumah tangga adalah tempat yang terpenting untuk mengajar injil dan kepimpinan. Para pemimpin harus menggalak ahli-ahli keluarga untuk menyayangi dan melayani satu sama lain dan untuk menegaskan bahawa ibubapa bertanggungjawab untuk mengajar anak-anak mereka tentang injil dan mengadakan malam keluarga dengan tetap.

Semua ahli Gereja harus bersedia untuk menerima berkat bait suci. Tanggung-jawab ahli untuk melakukan demikian sudah diringkaskan dalam Family Guidebook (31180). Para pemimpin boleh menolong ahli-ahli bersedia untuk menerima berkat bait suci dengan mengajar mereka tentang bait suci. Para pemimpin harus menggalak ahli-ahli untuk hidup berkelayakan untuk memperolehi dan selalu memiliki satu sijil rekomendasi bait suci yang sah dan untuk menerima tatacara anugerahan dan pemeteraian bait suci bila sedia ada.

Seorang yang layak adalah seorang yang sudah buat perjanjian dengan Tuhan, seperti perjanjian pembaptisan, dan berusaha dengan tekunnya untuk menjaga perjanjian-perjanjian itu.

Persediaan Fizikal dan Duniawi

Para pemimpin boleh membantu ahli-ahli bersedia untuk menemui keperluan fizikal dan duniawi dengan mengajar mereka untuk menjadi bergantung pada diri sendiri dan bersedia demi kejadian-kejadian yang tidak disangka.

Para pemimpin boleh mengajar ahli-ahli untuk mematuhi undang persepuhuan dan undang puasa, menggalak mereka untuk hidup mengikut pendapatan mereka, dan menugaskan pengajar keluarga dan pengajar berkunjung untuk mengawasi dan menolong mereka.

Para pemimpin harus mencari dan membantu menjaga mereka yang miskin dan berkeperluan dalam cabang dan mengajar ahli-ahli cabang untuk membuat demikian.

Untuk memperoleh informasi yang lebih lanjut tentang cara ahli-ahli boleh menemui keperluan fizikal mereka, lihat Family Guidebook.

Tatacara Bait Suci dan Sejarah Keluarga



Selain daripada menerima tatacara bait suci diri sendiri, ahli-ahli membantu untuk menyelamat yang sudah meninggal dunia dengan mengidentifikasi nenek moyang mereka dan melaksanakan tatacara bait suci bagi pihak mereka. Pada mulanya, mereka harus menumpukan perhatian ke atas empat generasi pertama nenek moyang mereka. Para pemimpin boleh menolong ahli-ahli dengan mengajar mereka ajaran-ajaran yang berkaitan dengan penebusan bagi yang sudah meninggal dunia, menggalak mereka untuk menyerah nama-nama demi kerja bait suci, dan menggalak mereka untuk melaksanakan tatacara bait suci, di mana sedia ada, bagi nenek moyang mereka dan orang lain yang sudah meninggal dunia.

Imamat



Imamat adalah kuasa dan kewenangan Tuhan. Melalui imamat, Dia menyempurnakan kerja dan kemuliaanNya, iaitu “untuk mendatangkan kebaqaan dan kehidupan kekal bagi manusia” (Musa 1:39). Yesus Kristus membenarkan ahli Gereja lelaki yang layak untuk memegang imamatNya. Bila mereka ditahbiskan imamat, mereka dikuasa untuk melakukan kerja Tuhan, seperti mengkhubatkan injil, melaksanakan tatacara imamat, dan melayan, bila dipanggil, dalam kerajaan Tuhan pada bumi ini.

“Ada, di dalam gereja, dua imamat, iaitu, Melkisedek dan Harun” (A&P 107:1). Utusan syurgawi memulihkan kewenangan imamat ke bumi melalui Nabi Joseph Smith.

Imamat Melkisedek

Imamat Melkisedek adalah imamat yang lebih besar. Ia datang dari nama seorang imam tinggi yang hidup pada masa Abraham. (lihat A&P 107:2–5). Saudara yang memegang imamat ini berkuasa and mempunyai kewenangan untuk memegang jawatan kepimpinan dalam Gereja dan untuk mengarah pengkhubatan injil. Mereka boleh memimpin, bila dipanggil, misi, daerah, cabang, dan kuorum.

Sebelum seorang lelaki boleh ditahbis ke jawatan imamat Melkisedek, dia mesti dianugerahkan imamat Melkisedek dahulu. Kemudian dia ditahbiskan kepada satu jawatan dalam imamat itu. Jawatan-jawatan ini adalah, orang tua-tua, imam tinggi, bapa bangsa, tujuh puluh,

dan rasul. Pemimpin imamat misi atau daerah mengorganisasikan saudara yang memegang Imamat Melkisedek kepada kuorum-kuorum orang tua-tua dalam misi atau daerah. Seorang presiden membimbing setiap kuorum orang tua-tua. Dia mengajar ahli-ahli kuorum tentang tugas mereka dan menggalakkan persaudaraan di kalangan ahli kuorum. Semua saudara dalam cabang yang memegang Imamat Melkisedek adalah ahli kuorum orang tua-tua.

Orang Tua-tua dan Presidensi Kuorum Orang Tua-tua

Orang tua-tua bertanggungjawab untuk mengajar, menerang, membaptis, dan mengawasi Gereja. Selain daripada mempunyai kewenangan dan tanggungjawab ke atas jawatan Imamat Harun, orang tua-tua juga boleh menganugerahkan kurnia Roh Kudus, melayan yang sakit, dan melaksanakan tatacara injil lain (lihat "Priesthood Ordinances and Blessings" dalam Family Guidebook). Bila diberi kuasa oleh pemimpin imamat mereka, orang tua-tua boleh membimbing pertemuan Gereja bila tidak ada imam tinggi dalam kehadiran. (Lihat A&P 20:42-45; 107:11.)

Bila satu cabang mempunyai lelaki yang layak yang memegang Imamat Melkisedek, presidensi misi atau daerah, bila dibimbing oleh Roh, boleh mengorganisasikan satu kuorum orang tua-tua dalam cabang itu, memanggil dan menetapkan satu presiden kuorum dari kalangan ahli-ahli kuorum. Bila jumlah orang tua-tua dalam cabang bertambah, presidensi misi

boleh memanggil dan menetapkan dua orang penasihat kepada presiden kuorum orang tua-tua. Setiap kuorum orang tua-tua boleh terdiri daripada sebanyak 96 orang ahli. Kuorum itu memberikan teladan, bantuan, dan arahan kepada para bapa dan ahli kuorum.

Presiden kuorum orang tua-tua melayan di bawah arahan presiden daerah atau presiden misi dan bertanggungjawab terhadapnya. Presiden kuorum juga melayan di bawah arahan presiden cabang sebagai seorang ahli dalam jawatankuasa eksekutif imamat cabang dan seorang ahli dalam majlis cabang. Presiden kuorum membimbing ahli-ahli kuorum dalam cabang itu dan menjadi satu teladan kepada mereka. Dia bekerja bersama presiden cabang untuk mengorganisasikan dan melayani pengajaran keluarga untuk memastikan Gereja mempunyai hubungan yang aktif dengan semua ahli cabang.

Presiden kuorum mengajar ahli-ahli kuorum tentang injil dan tugas Imamat Melkisedek mereka (lihat A&P 107:89). Dia menggalakkan mereka untuk melayan dengan kegembiraan dan kerendahan hati, terutamanya dalam tanggungjawab mereka sebagai suami dan bapa. Dia mengajar mereka cara untuk melaksanakan tatacara imamat, dan merancangkan projek perkhidmatan dan kegiatan yang membantu ahli-ahli dan menubuhkan kuorum persaudaraan. Dia bertanggungjawab terhadap kesihatan rohani dan duniahi ahli-ahli kuorum.

Presiden kuorum orang tua-tua menuangkan pengajar rumah yang memegang

Imamat Melkisedek dan orang dewasa (berumur 19 dan ke atas) yang memegang Imamat Harun, dan dengan kebenaran presiden cabang, dia menugaskan remaja putera yang juga pengajar dan imam dalam Imamat Harun sebagai pengajar keluarga. Pengajar keluarga ditugas dalam pasangan semasa temu duga yang tertutup. Bila dibenarkan oleh presiden cabang, presiden kuorum orang tua-tua boleh menugaskan isteri lelaki yang memegang Imamat Melkisedek itu untuk meneman suaminya pada masa kunjungan di mana pasangan suami isteri diperlukan.

Presiden kuorum mengajar ahli-ahli kuorum tentang tujuan pengajaran keluarga (lihat muka surat 6–7) dan mengilhamkan mereka untuk menunai-kan tujuan itu. Seorang ahli dari presiden kuorum menemu duga pengajar keluarga untuk menerima satu laporan tentang kunjungan mereka dan untuk belajar tentang keperluan ahli-ahli.

Presiden kuorum orang tua-tua mengawasi para pengajar keluarga dan melapor kepada presiden cabang tentang kunjungan pengajar keluarga dan keperluan dan kebimbangan ahli-ahli yang didapati melalui kunjungan pengajaran keluarga.

Presiden kuorum menggalakkan ahli-ahli kuorum untuk mengambil bahagian dalam pertemuan dan kegiatan Gereja serta memberi perkhidmatan. Dia membantu lelaki yang belum ditaribis dan mereka yang berumur 18 dan ke atas yang memegang Imamat Harun bersedia

untuk menerima Imamat Melkisedek dan tatacara bait suci. Pengajar keluarga menolong dalam usaha ini, tetapi selalunya presiden perlu melayan ahli-ahli kuorumnya secara peribadi.

Imam Tinggi, Bapa Bangsa, Tujuh Puluh, dan Rasul

Untuk informasi tentang jawatan imam tinggi, bapa bangsa, tujuh puluh, dan rasul, lihat Asas-asas Injil, bab 14.

Pengajaran Keluarga



Para pengajar keluarga adalah saudara yang memegang imamat dan dipanggil untuk membantu para pemimpin imamat untuk menjaga dan memperkuatkan ahli-ahli cabang. Lelaki yang memegang Imamat Melkisedek dan Imamat Harun, kecuali deakon, boleh melayan sebagai pengajar keluarga.

Para pengajar keluarga harus mengunjung ahli-ahli secara tetap, menunjukkan kasih sayang kepada mereka, mengajar mereka tentang injil, dan menjemput mereka untuk datang kepada Kristus. Para pengajar keluarga harus menggalakkan para bapa untuk berdoa dan menjaga keluarga mereka dengan betul-betulnya. Para pengajar keluarga

menolong ahli-ahli pada waktu kesakitan, kehilangan, kesunyian, penggangguran, dan masa keperluan istimewa lain. (Lihat A&P 20:51, 53, 59.)

Para pengajar keluarga mewakilkan Tuhan, presiden cabang, dan presiden kuorum bila mereka mengunjungi keluarga yang ditugaskan kepada mereka. Mereka belajar tentang minat dan keperluan ahli-ahli keluarga dan menunjukkan minat yang tulen terhadap mereka. Di bawah ilham Roh, pengajar keluarga mencari peluang untuk mengajar injil dan mengembangkan dan memperkuatkan iman individu dan keluarga yang mereka kunjungi. Jika mungkin, setiap orang pengajar keluarga harus mempunyai seorang teman.

Pengajar keluarga:

- Berhubungan aktif dengan setiap ahli yang ditugaskan kepadanya.
- Mengenali bapa sebagai pemimpin keluarga (atau ibu atau ahli seorang tunggal di mana tiada bapa dalam keluarga) dan membantu dia membimbing ahli keluarganya dalam perjalanan mereka terhadap kebaqaan dan kehidupan abadi.
- Bantu ahli-ahli untuk beriman dalam Yesus Kristus dengan berkongsikan pesanan dari kitab suci atau dari para nabi hidup seperti yang dikan dungkan dalam Pesanan Presidensi Utama, Liahona, atau Ensign.
- Berdoa bersama dan memberkat mereka yang dikunjungi.

- Memberitahu keluarga tentang pertemuan, kegiatan kuorum dan cabang, projek istimewa, dan menolong mereka untuk mengambil bahagian.
- Melapor kepada presiden kuorum orang tua-tua (atau kepada presiden cabang jika cabang itu tidak mempunyai kuorum orang tua-tua) tentang kemajuan ahli-ahli.
- Menggalak dan menolong ahli keluarga menerima segala tatacara injil yang mustahak dan menjaga perjanjian yang berkaitan dengan tatacara-tatacara itu.
- Menggalak ahli-ahli untuk melakukannya kerja mubaligh dan sejarah keluarga dan kerja bait suci.

Tatacara dan Berkat

Tatacara imamat adalah tindakan kudus yang diwahyu oleh Tuhan dan dilaksanakan oleh kewenangan imamat. Berkat imamat diberikan untuk menyembuh, menyenangkan hati, dan memberikan galakan. Membaptis dan memberkat serta menyerah sakramen adalah contoh tatacara imamat. Ada tatacara yang boleh dilaksanakan oleh saudara yang memegang Imamat Harun, tetapi kebanyakan tatacara dilaksanakan oleh lelaki yang memegang Imamat Melkisedek (lihat "Imamat Harun" dalam buku panduan ini dan Family Guidebook). Presiden cabang dan presiden kuorum orang tua-tua mengajar para saudara tentang cara untuk melaksanakan tatacara. Para saudara harus menolong para bapa bersedia dan menjadi layak untuk

melaksanakan tatacara bagi ahli-ahli keluarga. Para saudara yang melaksanakan tatacara dan berkat harus menyedia diri sendiri dengan hidup mengikut asas-asas injil dan berusaha untuk dibimbing oleh Roh Kudus. Mereka melaksanakan setiap tatacara dan berkat dengan mulia. Setiap tatacara harus dilaksanakan:

1. Dalam nama Yesus Kristus.
2. Oleh kewenangan imamat.
3. Dengan prosedur yang diperlukan, seperti perkataan-perkataan tertentu atau minyak suci.
4. Dengan kebenaran dari pemimpin imamat dilantik yang memegang kunci-kunci yang wajar, jika diperlukan. Tatacara-tatacara yang memerlukan kebenaran pemimpin imamat adalah menamakan dan memberkatan kanak-kanak, pembaptisan dan penetapan, anugerahan imamat dan mentahbiskan jawatan imamat, memberkati dan menyerah sakramen, dan mendedikasi kubur.

Lihat Family Guidebook untuk arahan tentang tatacara dan berkat yang khas.

Imamat Harun



Imamat Harun "adalah tambahan terhadap yang lebih tinggi, atau Imamat Melkisedek" (A&P 107:14). Ia dina-makan mengikut nama Harun, abang Musa, kerana ia dianugerah kepadanya dan keturunannya. Para saudara yang memegang Imamat Harun mempunyai kewenangan untuk melaksanakan tatacara imamat tertentu. Imam boleh melaksanakan pembaptisan, memberkati dan menyerah sakramen, dan mentahbiskan imam, pengajar, dan deakon. Imam dan pengajar boleh menyediakan sakramen. Imam, pengajar, dan deakon boleh menyerahkan sakramen. (Lihat A&P 107:13–14, 20.)

Bila Imamat Harun dianugerahkan kepada seseorang, dia ditahbis kepada satu jawatan imamat. Jawatan-jawatan itu adalah deakon, pengajar, dan imam. Bila dibimbing oleh Roh dan bila jumlah membenarkan, cabang presiden, iaitu presiden kepada Imamat Harun dalam cabang, mengorganisasikan saudara yang memegang jawatan yang sama dalam kuorum deakon (umur 12–13), pengajar (umur 14–15) dan imam (umur 16–18).

Presiden cabang, memegang kunci-kunci presidensi Imamat Harun, adalah presiden Imamat Harun dalam cabang. Dia adalah presiden kuorum imam dan boleh memanggil dua orang imam yang layak untuk melayan sebagai penolongnya dalam kuorum imam. Dia boleh memanggil seorang pengajar yang layak dan seorang deakon yang layak untuk melayan sebagai presiden bagi kuorum pengajar dan kuorum deakon. Dia atau seorang penasihat yang ditugaskan

boleh memanggil dua orang penasihat kepada presiden kuorum pengajar dan presiden kuorum deakon untuk menyempurnakan presidensi kuorum-kuorum ini. Bila kuorum-kuorum ini mempunyai jumlah remaja yang cukup, seorang ahli presidensi cabang boleh memanggil seorang remaja putera dalam setiap kuorum untuk melayan sebagai setiausaha kuorum. Presiden cabang menetapkan penolong-penolongnya dalam kuorum imam dan presiden kuorum pengajar dan presiden kuorum deakon. Seorang ahli presidensi cabang menetapkan penasihat dalam presidensi kuorum dan setiausaha.

Selepas pelaksanaan pembuka pertemuan imamat, Imamat Harun bertemu berasingan dari mereka yang memegang Imamat Melkisedek, di bawah arahan presiden cabang.

Bila presiden cabang mengorganisasi kuorum-kuorum Imamat Harun, dia memanggil, seperti yang dibimbing oleh Roh, dan menetap seorang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek atau jawatan imam dalam Imamat Harun untuk melayan sebagai presiden Remaja Putera. Presiden Remaja Putera bekerja bersama presidensi cabang dan presidensi kuorum Imamat Harun untuk menolong setiap ahli kuorum untuk memperkuatkan imannya dalam Yesus Kristus dan meningkatkan kefahamannya dan komitmen untuk hidup selaras dengan asas-asas injil yang sudah dipulihkan.

Tujuan Imamat Harun adalah untuk membantu setiap orang yang ditahbiskan imamat:

- Menukar hati kepada injil Yesus Kristus dan hidup selaras dengan ajarannya.
- Melayan dengan beriman dalam panggilan imamat dan menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab setiap jawatan imamat.
- Berikan layanan yang bererti.
- Bersedia dan hidup berkelayakan untuk menerima Imamat Melkisedek dan tatacara-tatacara bait suci.
- Bersedia untuk melayan satu misi sepenuh masa yang mulia.
- Memperolehkan sebanyak mungkin pendidikan dan bersedia untuk menjadi seorang suami dan bapa yang layak.
- Berikan hormat yang sesuai kepada wanita, gadis, dan kanak-kanak.

Presiden cabang bekerja bersama presidensi kuorum Imamat Harun untuk merancangkan pertemuan kuorum, projek perkhidmatan, dan kegiatan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut. Kegiatan-kegiatan adalah untuk memberikan satu suasana yang sihat di mana remaja putera boleh bersahabat, memberi perkhidmatan, dan mengembangkan kemahiran bersama mereka yang memiliki kepercayaan dan taraf yang serupa.

Presidensi kuorum Imamat Harun dan presidensi kelas Remaja Puteri,

bekerjasama dengan pemimpin dewasa dari Imamat Harun dan Remaja Puteri, boleh merancangkan kegiatan bergabung Imamat Harun dan Remaja Puteri di bawah pengawasan presiden cabang. Kegiatan bergabung ini dipanggil Gabungan.

Deakon

Seorang remaja putera yang layak yang sudah dibaptis dan ditetap boleh ditahbis sebagai seorang deakon bila dia berumur 12. Deakon biasanya ditugaskan untuk menyerah sakramen, menjaga bangunan dan tanah Gereja, membantu untuk menjaga yang berkeperluan, dan menyelesaikan tugas khas, seperti mengutip persesembahan puasa.

Satu kuorum deakon boleh mengandungi sebanyak 12 orang deakon (lihat A&P 107:85).

Pengajar

Seorang remaja putera yang layak boleh ditahbis sebagai seorang pengajar bila dia berumur sekurang-kurangnya 14. Selain daripadda segala kewenangan

dan tanggungjawab deakon, pengajar menyediakan sakramen dan melayan sebagai pengajar rumah.

Satu kuorum pengajar boleh mengandungi sebanyak 24 orang pengajar (lihat A&P 107:86).

Imam

Saudara yang layak boleh ditahbis sebagai imam bila mereka berumur sekurang-kurangnya 16 tahun. Biasanya, pengikut lelaki dewasa ditahbis sebagai imam sehingga mereka mempunyai pengalaman yang cukup untuk ditahbis sebagai orang tua-tua.

Selain daripada segala kewenangan dan tanggungjawab deakon dan pengajar, imam boleh membaptis dan melayan sakramen dan boleh memimpin pertemuan bila tidak ada seorang yang memegang Imamat Melkisedek dalam kehadiran (lihat A&P 20:46–51).

Satu kuorum imam boleh mengandungi sebanyak 48 orang imam (lihat A&P 107:87–88).

Badan Sokongan



Dalam satu cabang, organisasi imamat ditubuh dahulu. Bila jumlah ahli bertambah dan para pemimpin dan tempat pertemuan menjadi sedia ada, presiden cabang boleh mengorganisasikan badan sokongan kepada imamat bila dia memutus bahawa mereka diperlukan. Badan sokongan adalah Lembaga Pertolongan, Remaja Putera, Remaja Puteri, Sekolah Primer, dan Sekolah Hari Ahad.

Sehingga cabang itu mempunyai wanita, remaja putera, dan kanak-kanak yang cukup untuk dibahagikan kepada badan sokongan berasingan, mereka bertemu bersama-sama untuk menerima arahan di bawah pimpinan presiden Lembaga Pertolongan.

Lembaga Pertolongan

Lembaga Pertolongan membantu para pemimpin imamat dengan menggalakkan saudari-saudari dewasa (18 tahun dan ke atas) untuk membina iman dalam Tuhan Yesus Kristus. Lembaga Pertolongan membantu wanita dan keluarga mereka untuk datang kepada Kristus dan hidup berkelayakan untuk menerima bimbingan Roh Kudus. Para saudari Lembaga Pertolongan mengajar dan belajar ajaran injil, memberikan perkhidmatan ihsan, memgembangkan kemahiran kerja rumah, memperkuuhkan perhubungan keluarga, dan mela yan dan menyokong setiap saudari.

Bila satu cabang mempunyai sekurang-kurangnya dua ahli wanita, presiden

cabang boleh mengorganisasikan Lembaga Pertolongan. Di bawah arahan presiden cabang, presiden Lembaga Pertolongan:

- Mengarah atau memimpin kelas bagi wanita dewasa (umur 18 tahun dan ke atas) pada hari Ahad bila lelaki dan remaja putera berada dalam pertemuan imamat.
- Bekerja bersama presiden cabang untuk menasihat dia tentang keperluan dan kegiatan wanita, remaja puteri dan kanak-kanak.
- Membantu presiden cabang untuk mengenalpastikan dan menjaga mereka yang berkeperluan.

Remaja Putera

Lihat "Imamat Harun" pada muka surat 8-10 buku panduan ini.

Remaja Puteri



Presidensi cabang mempunyai tanggungjawab terhadap remaja puteri yang berusia 12 hingga 18 seperti terhadap remaja putera yang sama usia.

Organisasi Remaja Puteri membantu gadis (umur 12 tahun hingga 17) untuk menukar hati kepada injil Yesus Kristus,

menghormati ibubapa mereka, bersedia untuk membuat dan menjaga perjanjian bait suci, menjadi isteri dan ibu yang layak, dan memberi perkhidmatan. Remaja puteri menerima arahan injil dalam pertemuan hari Ahad dan dalam kegiatan mingguan.

Remaja puteri yang berusia 12 sehingga 17 boleh bertemu berasingan dari Lembaga Pertolongan bila presiden cabang memutus bahawa adanya cukup remaja puteri dalam cabang itu. Dia boleh mengorganisasikan mereka dalam kelas Beehive (umur 12-13), Mia Maid (umur 14-15) dan Laurel (umur 16-17). Dia boleh memanggil dan menetapkan seorang remaja puteri yang layak dalam setiap kelas sebagai presiden kelas. Seorang ahli presidensi cabang boleh memanggil dan menetapkan dua orang remaja puteri tambahan sebagai penasihat kepada setiap presiden dan seorang setiausaha kelas bila adalanya cukup remaja puteri dalam kelas.

Di bawah arahan presiden cabang, presidensi Remaja Puteri (dewasa) bekerja bersama dengan presidensi cabang dan presidensi kelas Remaja Puteri (gadis) untuk memperkuatkan imam setiap remaja puteri dalam Yesus Kristus dan untuk meningkatkan kefahamannya dan komitmen untuk hidup selaras dengan asas-asas injil yang sudah dipulihkan. Arahan injil hari Ahad dan kegiatan mingguan yang sihat boleh menolong mencapai matlamat-matlamat tersebut.

Presidensi kelas Remaja Puteri dan presidensi kuorum Imamat Harun,

bekerjasama dengan para pemimpin dewasa Remaja Puteri dan Imamat Harun dan di bawah pengawasan presiden cabang, boleh merancangkan kegiatan bergabung Remaja Puteri dan Imamat Harun. Kegiatan ini dipanggil Gabungan.

Sekolah Primer



Sekolah Primer mengajar kanak-kanak (umur 3 tahun hingga 11) injil Yesus Kristus dan menolong mereka untuk mempelajari untuk mematuhi-Nya. Dalam Sekolah Primer, kanak-kanak berasa sangat diingini, berasa kasih sayang Juruselamat, dan berasa kebahagiaan yang dibawa oleh injil.

Thema Sekolah Primer ialah “Dan semua anakmu akan diajar oleh Tuhan; dan akan besarlah jadinya kedamaian anak-anakmu” (3 Nefi 22:13). Sekolah Primer menolong para pemimpin imamat dalam pencapaian misi Gereja dengan menggalakkan kanak-kanak untuk mengaji kitab-kitab suci, berdoa, dan mengikuti teladan Juruselamat. Tujuan Sekolah Primer adalah untuk:

- Mengajar kanak-kanak bahawa mereka adalah anak Tuhan dan

Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus menyayangi mereka.

- Membantu kanak-kanak untuk belajar untuk menyayangi Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus.
- Membantu kanak-kanak bersedia untuk dibaptiskan, menerima Roh Kudus, dan menjaga perjanjian dan ikrar pembaptisan mereka.
- Membantu kanak-kanak berkembang dalam kefahaman tentang ranangan injil dan menyediakan peluang kepada mereka untuk mematuhi asas-asas injil.
- Menolong kanak-kanak lelaki untuk menerima imamat dan menjadi layak untuk menggunakan imamat untuk memberkat dan melayan orang lain.
- Menolong kanak-kanak perempuan untuk menjadi remaja puteri yang soleh, memahami berkat imamat dan berkat bait suci, dan melayani orang lain.

Para pemimpin imamat dan Sekolah Primer serta guru membantu para ibubapa untuk mengajar kanak-kanak mereka tentang injil Yesus Kristus bila mereka mencari dan dibimbing oleh Roh. Setiap orang kanak-kanak dalam Sekolah Primer perlu disayangi oleh guru-guru dan para pemimpin yang berkasih sayang, terutamanya kanak-kanak yang datang dari rumah tangga yang kekurangan sokongan kuat demi hidupan injil.

Bila jumlah kanak-kanak sudah cukup, mereka bertemu berasingan dari wanita

dan remaja puteri untuk arahan kelas dan waktu berkongsi semasa waktu Sekolah Hari Ahad dan Lembaga Pertolongan serta Remaja Puteri. Sekali-sekala cabang-cabang boleh mengorganisaskan kegiatan untuk kanak-kanak di Sekolah Primer selain daripada hari Ahad. Arahan yang lebih lanjut mengenai waktu berkongsi dan kegiatan mingguan boleh diperolehi dari pemimpin imamat.

Sekolah Hari Ahad

Sekolah Hari Ahad menolong para ahli dan penyelidik yang berumur 12 tahun dan ke atas untuk mempelajari injil Yesus Kristus dan hidup mengikuti asas-asas injil dengan memberikan pupukan akhlak dan arahan dalam pertemuan hari Ahad. Guru-guru

Sekolah Hari Ahad menggalak para ahli untuk:

- Mengaji kitab-kitab suci.
- Mematuhi perintah-perintah.
- Menerima tatacara yang mustahak dan menjaga perjanjian yang berkaitan dengan injil.

Presidensi Sekolah Hari Ahad mengawasi Sekolah hari Ahad. Presiden mendcadangkan guru-guru yang berpotensi kepada presiden cabang. Presidensi cabang memanggil dan menetapkan guru-guru untuk mengajar kelas-kelas Sekolah Hari Ahad. Remaja dan dewasa bertemu bersama di mana jumlah mereka sedikit, tetapi bila jumlah sudah cukup, mereka boleh bertemu berasing-asng untuk arahan kelas.



Kurikulum dan Perbaikan Guru



Kurikulum

Gereja menyediakan bahan-bahan kurikulum untuk kuorum imamat dan badan sokongan. Presidensi daerah memberikan arahan tentang bahan-bahan yang digunakan setiap tahun. Arahan disediakan bersama dengan kiriman tahunan bahan-bahan itu dari pusat pengedaran atau pusat perkhidmatan Gereja. Terbitan Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum (36363), boleh diperoleh melalui pemimpin imamat, mengandungi satu gambaran keseluruhan tentang kurikulum Gereja. Para pemimpin dan

guru digalakkan untuk menggunakan bahan-bahan arahan Gereja yang sudah diluluskan dan mengelak dari menggunakan bahan keluaran komersial.

Pesanan Presidensi Utama, Pesanan Pengajar Kunjungan, dan sumber dalam Liahona memberikan bahan untuk menyegarkan dan memperkayakan pelajaran dari manual kurikulum. Bahan-bahan ini sedia ada dalam bentuk terbitan dan elektronik pada laman web internet rasmi Gereja, www.lds.org. Di mana adanya Liahona, setiap keluarga dalam cabang harus melanggannya.

Perbaikan Guru

Para ibubapa, pemimpin, dan guru mempunyai satu tanggungjawab yang suci untuk mengajarkan injil Yesus Kristus. Melalui usaha mereka, orang lain boleh belajar cara untuk mengaplikasikan kebenaran injil dalam kehidupan harian. Tuhan berfirman: "Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu hendaknya saling mengajarkan ajaran kerajaan. Mengajarlah kamu dengan tekun dan kasih kurniaKu akan menyertaimu" (A&P 88:77-78).

Presidensi cabang bertanggungjawab terhadap mutu pengajaran dalam cabang. Bila cabang itu mempunyai kekuatan yang cukup, presidensi memanggil seorang saudara atau saudari untuk melayan sebagai penyelaras perbaikan guru cabang.

Untuk memperolehi informasi yang lebih lanjut tentang pengajaran dan perbaikan guru, lihat Teaching Guidebook.



Kepimpinan



Teladan Juruselamat

Juruselamat kita, Yesus Kristus, sudah tubuhkan satu teladan yang sempurna untuk diikuti oleh ahli-ahli sebagai pemimpin dalam keluarga mereka dan dalam Gereja. Dia menyayangi BapaNya dan orang yang Dia layan. Dia hidup untuk melayan orang lain, mengangkat yang ditindas dan memberi harapan kepada yang tidak bersemangat.

Yesus memahami panggilanNya dan menyempurnakan panggilan itu dengan berdoa dan tekun. Dia selalu melaksanakan keinginan BapaNya dan memberikan kemuliaan kepada Bapa, tanpa mencarikan sebarang kemuliaan untuk diri sendiri. Dia mengorbankan

segalanya kepada manusia, mengorbankan nyawanya di atas salib dan menebus dosa semua orang.

Bila para pemimpin mengikut teladan Juruselamat, Dia akan meningkatkan kebolehan mereka untuk melaksanakan kerjaNya. Dia akan mengilhamkan mereka untuk mengetahui apa yang harus mereka kata dan lakukan (lihat A&P 100:6). Para pemimpin akan benar-benarnya menjadi hambaNya dalam pembinaan kerajaan Tuhan. Mereka akan menjadi murid kitab suci, mempelajari tentang ajaran dan asas-asas injil, dan berusaha untuk mengajarkan ajaran dan asas-asas injil kepada orang yang mereka layani.

Sifat-sifat Para Pemimpin

Iman

Semasa pelayana fanaNya, Juruselamat menegur para pengikutnya untuk beriman (lihat Matius 17:14–21; Lukas 8:22–25). Para pemimpin dalam Gereja harus beriman bahawa Yesus Kristus adalah Juruselamat dan Sang Penebus kita. Mereka membina iman ini melalui doa, pengajian kitab suci, kepatuhan, dan pertaubatan. Bila kita menyuburkan biji benih iman, ia akan membesar di dalam kita dan memberikan buah yang paling berharga dan manis (lihat Alma 32:42).

Kasih Sayang

Juruselamat berfirman: “Aku memberikan perintah baru kepada kamu: Hendaklah kamu saling mengasihi. Sebagaimana Aku sudah mengasihi kamu, hendaklah kamu saling mengasihi. Jika kamu saling mengasihi, semua orang akan tahu bahawa kamu pengikut-pengikutKu” (Yohanes 13:34–35). Para pemimpin harus mengasihi orang yang sudah ditugaskan kepada mereka oleh Tuhan. Bila pemimpin mengasihi orang, mereka akan ingin melayan mereka, mengajar mereka, dan menolong mereka untuk bekerja demi penyelamatan mereka.

Dalam dunia ini, orang tidak selalunya memandang para pemimpin sebagai hamba. Tetapi Juruselamat mengajar dengan kata-kataNya dan teladanNya bahawa para pemimpin harus melayan orang yang mereka bimbing. Dia

memberitahu dua belas rasulnya, “Jika seorang antara kamu hendak menjadi yang pertama, dia harus menjadi hamba kamu semua” (Matius 20:27). Bila kita melayan orang lain, kita melayan Tuhan (lihat Matius 25:31–40; Mosia 2:17).

Kepatuhan

Yesus Kristus menubuhkan teladan semipurna kepatuhan dan berserah kepada keinginan Bapa Syurgawi (lihat Matius 26:39; Yohanes 5:30). Para pemimpin perlu mematuhi perintah-perintah Tuhan supaya mereka boleh menubuhkan satu teladan kepada orang lain dan menjadi layak untuk menerima bimbingan dari Roh Kudus. Kepatuhan menunjukkan kasih sayang terhadap Tuhan (lihat Yohanes 14:15).

Perintah-perintah Tuhan diwahyukan dalam kitab-kitab suci, melalui pemimpin Gereja, dan melalui peringatan Roh Kudus. Bila para pemimpin mematuhi perintah, Tuhan akan membantu mereka untuk memenuhi panggilan mereka.

Perpaduan

Dalam doa pengantaraanNya yang hebat, Juruselamat berdoa supaya mereka yang percaya kepada Dia boleh menjadi satu, seperti Dia dan BapaNya adalah satu (lihat Yohanes 17:20–23). Perpaduan adalah penting untuk kemajuan dalam setiap organisasi Gereja. Para presiden Imamat dan badan sokongan tidak harus bekerja bersendirian dari penasihat mereka. Presidensi boleh mencapai lebih banyak bila mereka berpadu dan berbincang bersama-sama.

Korban

Seorang muda yang kaya menanya Juruselamat apakah yang mesti dia lakukan untuk memperolehi kehidupan abadi. "Taatilah hukum Tuhan," kata Tuhan kepada dia. Orang muda itu mengata bahawa dia sudah taati perintah-perintah semenjak masa kanak, kemudian dia tanya, "Apakah lagi yang harus saya lakukan?" Yesus, mengetahui perkara dalam hatinya, meminta dia untuk pergi dan jualkan segala harta bendanya, berikan kepada orang yang miskin, dan mengikut Dia. Tetapi orang muda itu "meninggalkan tempat itu dengan susah hati kerana dia sangat kaya." (Lihat Matius 19:16–22.)

Dalam kejadian ini, Tuhan mengajar bahawa pemimpin mesti rela untuk mengorbankan segala perkara untuk mengikutiNya. Seperti orang muda yang kaya itu, para pemimpin mungkin dipanggil untuk mengorbankan harta benda mereka, atau mereka mungkin diminta untuk mengorbankan masa, bakat, dan pengejaran peribadi untuk melangsungkan kerja Tuhan. Bila para pemimpin mengorban kepada Tuhan dan kerajaanNya, Dia berjanji untuk memberkat mereka dalam segala hal (lihat matius 19:29; A&P 97:8–9).

Tugas Kepimpinan

Menetapkan Matlamat

Para pemimpin belajar bahawa merancikan arahan dari Tuhan dengan berdoa tentang perkara yang Dia ingin mereka lakukan adalah mustahak dalam

panggilan mereka. Menetap matlamat, dengan bimbingan Roh, akan membantu mereka untuk melaksanakan kerja yang sudah diberikan oleh Tuhan.

Bila menetapkan satu matlamat, seorang pemimpin perlu merancang cara untuk mencapainya. Sebagai contoh, seorang presiden daerah boleh menetapkan satu matlamat untuk meningkatkan kehadiran pada pertemuan sakramen dalam daerahnya. Rancangannya mungkin termasuk meminta presiden-presiden cabang untuk menjemput semua ahli cabang untuk bersetuju untuk menghadiri pertemuan sakramen.

Para pemimpin boleh menggalakkan ahli-ahli untuk menetapkan matlamat peribadi. Para pemimpin boleh mendangkan matlamat bagi individu, tetapi mereka harus menetapkan matlamat mereka diri sendiri dan buat rancangan untuk mencapai matlamat itu.

Merancang dan Delegasi

Langkah-langkah berikut akan menolong para pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan untuk merancangkan pertemuan, kegiatan, projek perkhidmatan, dan matlamat untuk melaksanakan kerja Tuhan dan boleh menjadi berguna dalam persahabatan ahli-ahli dan mereka yang bukan ahli Gereja juga. Langkah-langkah ini akan membantu para pemimpin untuk mengorganisasikan pengajaran keluarga dan membantu Lembaga Pertolongan demi pengajaran berkunjung, dan akan menolong pemimpin imamat untuk

memanggil ahli-ahli untuk melayan dalam jawatan cabang.

1. Merancang dan mengorganisasikan. Pemimpin merancangkan semua pertemuan, aktiviti dan matlamat untuk mempunyai tujuan injil. Dalam pembuatan rancangan-rancangan ini, pemimpin menanya orang lain, seperti para penasihat mereka, untuk berkongsikan idea-idea dan membantu dengan organisasi.
2. Berdoa. Pemimpin berdoa demi bimbingan melalui peringatan Roh bila mereka membuat dan melaksanakan rancangan. Mereka juga berdoa demi bimbingan untuk mengetahui siapa-siapa yang harus mereka panggil untuk menolong dengan kerja itu.
3. Delegasi. Seorang pemimpin yang baik menjemput orang lain untuk menolong kerana dia tahu dia tidak boleh dan tidak harus melakukan se-gala perkara secara bersendirian. Dia mendelegasi untuk membantu orang lain untuk memperkembangkan kebolehan mereka dengan memberikan mereka pengalaman. Dia menjelaskan rancangan itu kepada mereka. Kemudian dia mendelegasikan (menuangkan) tugas-tugas tertentu kepada setiap orang, menjelaskan kewajipan dan berkat pencapaian tugas itu.
4. Bantuan dan sokongan. Selepas seorang pemimpin merancang, berdoa, dan mendelegasi, dia menyokong mereka yang sudah dia delegasikan tanggungjawab itu. Dia mengajar mereka tentang perkara yang perlu

mereka tahu dan memberi bantuan tetapi tidak melakukan tugas itu yang sudah dia delegasikan. Dia menunjukkan kasih sayang dan keyakinan dan menggalakkan mereka untuk menggunakan idea dan ilham mereka sendiri dan tidak mendesak supaya hal itu dilakukan dengan caranya. Dia mengarahkan mereka atau meminta mereka untuk mengubah perkara yang mereka lakukan hanya bila diperlukan.

5. Menuruti sehingga tamat. Selepas memberikan satu tugas, seorang pemimpin memintakan laporan kemajuan sekali-sekala. Dia boleh melakukan hal ini dalam perbualan kasual, semasa satu mesyuarat, atau satu temu duga sulit. Semasa laporan itu, pemimpin itu mengucapkan terima kasih kepada orang itu dan berikan pujian yang ikhlas dan galakan. Dia juga boleh membincangkan cara yang lebih baik untuk melakukan tugas itu.
6. Menaksir. Bila tugas itu sudah habis, pemimpin menaksirkannya dengan setiap orang yang ditugaskan. Dia mengucapkan terima kasih, membincangkan nilai tentang perkara yang sudah dicapai, dan boleh memberikan orang itu satu tugas lagi.

Menyediakan satu Agenda

Satu agenda adalah satu rancangan bagi satu pertemuan. Ia boleh termasuk doa, lagu rohani, ucapan, pengumuman, urusan, laporan tentang tugas, tugas baru, dan perkara lain yang penting. Satu agenda tertulis menolong seorang

pemimpin untuk memastikan perkara yang paling penting ditimbangkan dan menolong memastikan masa pertemuan itu digunakan dengan bijaksana. Ia juga menolong dia mengarah pertemuan itu dengan beratur.

Orang yang memimpin pertemuan atau yang bertugas biasanya menyediakan agenda. Dia memastikan agenda itu mengandungi segala perkara yang diperlukan untuk mencapai tujuan pertemuan itu. Orang yang menyediakan agenda memutus tentang jumlah masa bagi setiap perkara pada agenda itu. Jika hanya mempunyai terlalu sedikit masa untuk membincangkan segala perkara, dia boleh letakkan sebahagian perkara itu pada agenda bagi pertemuan lain kali.

Menguruskan Pertemuan

Orang yang menguruskan pertemuan itu bertindak sebagai pemimpin bagi pertemuan itu. Dia mengumumkan nama-nama mereka yang akan berdoa, berucap, membimbing musik, dan perkara lain dalam pertemuan itu. Orang yang menguruskan pertemuan itu harus menunjuk takzim dan harus menguruskan pertemuan seperti yang dibimbing oleh Roh Tuhan.

Orang yang memimpin pertemuan boleh menguruskan pertemuan itu atau meminta orang lain untuk menguruskan pertemuan itu di bawah arahannya. Seperti contoh, seorang presiden cabang boleh menanya salah seorang daripada penasihatnya untuk menguruskan pertemuan sakramen, atau seorang presiden kuorum boleh meminta salah seorang

penasihatnya untuk menguruskan pertemuan kuorum. Asas yang sama juga diaplikasikan kepada badan sokongan.

Majlis



Tuhan memerintah kerajaanNya dengan asas-asas majlis. Mereka yang menguruskan pertemuan majlis, seperti pertemuan majlis cabang, pertemuan jawatankuasa eksekutif imamat, dan pertemuan presidensi imamat dan badan sokongan (lihat Buku Panduan Cabang), harus mengaplikasikan asas-asas penting berikut:

- Bertumpu perhatian pada ajaran dan asas-asas injil, bukan perkara yang spekulatif.
- Bertumpu perhatian pada individu dan cara untuk memperkuatkan mereka dalam injil, ingatilah untuk selalu menjaga informasi sulit dengan selamatnya.
- Menggalakkan pertunjukan yang bebas dan buka, berikan peluang kepada semua untuk berucap. Para pemimpin mesti mendengar sebaik-baik berucap.

- Menyokong dan membantu untuk melaksanakan keputusan pemimpin yang mengurus.
- Memimpin dengan kasih sayang dan kekhawatiran yang berbelas kasihan terhadap keperluan dan kesihatan semua orang.

Menjaga Kesulitan

Para pemimpin tidak boleh mengungkapkan informasi sulit kepada sesiapa pun, sama ada dalam temu duga formal atau perbualan tidak formal. Informasi dari temu duga dan pengakuan serta

informasi tentang jumlah persepuluhan dan dermaan yang dibayar oleh seseorang mesti dijaga dengan sulitnya. Seorang pemimpin tidak harus membincangkan perkara peribadi seseorang dengan orang lain, termasuk para penasihat dan pasangan, kecuali jika orang itu berikan kebenaran. Seorang pemimpin yang tidak berhati-hati tentang menjaga perihal sulit boleh melemahkan kesaksian dan iman mereka yang dia layani dan menghilangkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap dia.

Memperoleh Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga

Para pemimpin tempatan dan ahli lain boleh memperoleh bahan-bahan Gereja, termasuk kitab-kitab suci, kursus pengajian, majalah Gereja, pakaian suci, dan pakaian bait suci, dari pusat pengedaran Gereja atau pusat perkhidmatan, dari

Salt Lake Distribution Center, atau melalui laman web internet Gereja, www_lds.org.

Informasi tentang kerja sejarah keluarga sedia ada pada laman web internet sejarah keluarga, www.familysearch.org.

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

